

16/04/2002

Tengku Adnan tolak spekulasi ganti Mustapa

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Setiausaha Kerja Umno Tengku Adnan Tengku Mansor hari ini menolak spekulasi yang mengatakan beliau akan mengisi jawatan Ketua Penerangan parti bagi menggantikan Datuk Mustapa Mohamed.

Tengku Adnan berkata, beliau tidak menerima sebarang berita atau maklumat daripada ibu pejabat Umno mengenai pelantikan berkenaan.

"Saya tak ada terima apa-apa (berita). Saya tak tahu menahu mengenai perkara ini. Tolong jangan buat andaian," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, membuat pengumuman peletakan jawatan itu selepas mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua bahagian Umno di Kelantan dengan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat lawatan kerja sehari di Kelantan minggu lalu.

Mustapa berkata, beliau membuat keputusan berkenaan bagi memberi tumpuan sepenuhnya kepada Umno Kelantan.

Berikutan itu, spekulasi bagi calon yang akan menggantikan Mustapa disebut-sebut sebagai Tengku Adnan berdasarkan kepada hubungannya yang rapat dengan ketua-ketua Umno bahagian dan pucuk pimpinan Umno khususnya Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob.

Sebagai Ketua Penerangan, penyandang jawatan itu juga perlu menjalin kerjasama rapat antara Bahagian Penerangan dengan pejabat Setiausaha Agung.

Kerjaya politik Tengku Adnan juga dianggap sebagai satu peningkatan mendadak selepas dilantik menjadi setiausaha kerja Umno. Selepas dilantik menerajui Umno Wilayah Persekutuan, beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan diikuti dengan pelantikan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ditanya sama ada beliau akan menerima pelantikan jawatan berkenaan sekiranya spekulasi itu mempunyai kebenaran, Tengku Adnan berkata: "Itu semua terserah kepada pucuk pimpinan untuk membuat keputusan."

Sementara itu, Naib Presiden Umno Tan Sri Muhamad Muhd Taib berkata, pelantikan Ketua Penerangan baru hanya akan diputuskan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tunggulah dulu Dr Mahathir membuat keputusan. Sekarang ini, beliau baru saja berlepas ke luar negara untuk tugas rasmi negara, tunggulah," katanya ketika dihubungi di sini.

Mengenai sama ada Tengku Adnan dirasakan layak menjawat jawatan berkenaan, Muhamad merasakan tidak ada salahnya bagi beliau menjawat jawatan itu berdasarkan pengalaman luas Tengku Adnan.

(END)